

24/02/1998

Tindakan disiplin jika letak calon tentang Shahidan

KANGAR, Isnin - Ahli cawangan di bahagian Arau akan dikenakan tindakan disiplin sekiranya mencalonkan ahli lain supaya menentang Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT), yang juga ketua bahagian itu.

Jawatankuasa Umno bahagian terbabit mencadangkan kepada MT supaya berbuat demikian kerana tindakan itu bercanggah dengan fasal 1.14 Etika Ahli Umno dalam perlembagaan parti.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat khas jawatankuasa Umno bahagian Arau yang berlangsung selama kira-kira sejam dan dipengerusikan Shahidan, di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Ketua Wanita Umno bahagian itu, Senator Mastika Junaida Husin, yang dilantik sebagai jurucakap, berkata cawangan yang mencalonkan ahli lain supaya mencabar Shahidan akan disiasat.

"Ahli Umno perlu mematuhi nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya jawatan ketua bahagian yang disandang oleh ahli MT tidak ditandingi.

"Nasihat Dr Mahathir itu diterima sebagai arahan parti kerana ia diluluskan MT. Sehubungan itu, ahli atau cawangan yang tidak mematuhi melakukan perbuatan yang bercanggah dengan fasal 1.14 Etika Ahli Umno.

"Jawatankuasa Umno bahagian Arau memandang berat perbuatan ahlinya yang tidak mematuhi dan menghormati arahan itu," katanya di sini, hari ini.

Fasal itu yang diluluskan pada Perhimpunan Agung Khas Umno 1994 yang antara lain mewajibkan setiap ahli Umno supaya mematuhi dan menghormati arahan parti.

Mastika Junaida yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno negeri berkata, setakat ini sebuah daripada 119 cawangan di bahagian Arau dikesan mencalonkan seorang ahlinya supaya mencabar Shahidan.

Ahli terbabit ialah bekas peguam yang juga Naib Ketua Umno bahagian terbabit, Ameir Hassan, yang tidak mempertahankan jawatan itu dalam pemilihan Mac ini.

Mastika Junaida berkata, mesyuarat khas itu juga menyatakan sokongan penuh terhadap kepemimpinan Shahidan selaku Ketua Umno bahagian Arau dan Ketua Badan Perhubungan Umno negeri.

(END)